



NANI SAHIRAH

KOSMO (29/12/2022) page 46

Nani Sahirah mampu tamatkan kemarau emas

KEJAYAAN memecahkan rekod lontar peluru wanita kebangsaan berusia 33 tahun meletakkan Nani Sahirah Maryata dalam landasan tepat untuk menaiki podium Sukan SEA 2023 di Phnom Penh, Kemboja pada Mei depan.

Nani, 21, membuat lontaran sejauh 14.48 meter (m) sewaktu Grand Final Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 untuk memadam catatan lama kebangsaan, 14.41m dilakukan Lee Chiew Har pada 1989.

Ia memberi gambaran positif atlet Universiti Putra Malaysia itu berpeluang mengikut jejak Chiew Har yang dianggap legenda olahraga tanah air untuk

menamatkan kemarau 31 tahun meraih pingat emas Sukan SEA.

Bekas pemegang rekod kebangsaan itu yang kini menetap di Amerika Syarikat, berharap Nani dapat menaikkan semula reputasi negara dalam acara lontar peluru di Asia Tenggara.

"Saya gembira apabila tahu Malaysia ada atlet hebat dalam acara padang. Tolong sampaikan ucapan tahniah saya di atas kejayaannya.

"Saya sedikit sedih akhirnya rekod saya dipecahkan tetapi pada masa sama gembira ia (catatan) naik ke satu tahap baharu. Saya harap dia terus meningkatkan catatannya," kata Chiew Har kepada *Kosmo!*